

SIARAN MEDIA

24 February 2014
SIARAN SEGERA

CYBERSECURITY MALAYSIA LANCAR BUKU PANDUAN TANGANI INSIDEN BULI SIBER

Sempena upacara penutup sambutan ‘Safer Internet Day 2014’ di Melaka, Bandaraya Bersejarah

MELAKA (24 Februari 2014) - CyberSecurity Malaysia, pusat pakar keselamatan siber nasional di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini melancarkan “Buku Panduan Keselamatan Siber: Buli Siber”. Pelancaran disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi sempena Upacara Penutup ‘Safer Internet Day’ 2014 di SMK Seri Tanjong, Melaka, Bandaraya Bersejarah.

YB Datuk Dr. Abu Bakar berkata “Buku Panduan ini amat berguna memandangkan gejala buli kini kian menular di alam siber. Ini terbukti dengan hasil kajian yang dijalankan bersama antara CyberSecurity Malaysia, Kementerian Pelajaran dan DiGi Telecommunications Sdn Bhd pada tahun 2013 yang melibatkan 9,651 pelajar dari 459 sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Hasil kajian tersebut mendapati, sebanyak 13 peratus dari responden (yang terdiri dari 1,255 orang pelajar) mengaku bahawa mereka sedang menjadi mangsa Buli Siber, manakala 26 peratus atau 2,509 pelajar pula mengaku pernah menjadi mangsa Buli Siber. Keputusan kajian ini menunjukkan betapa seriusnya gejala Buli Siber di Malaysia pada masa kini.”

Pada tahun 2013, sebanyak 389 insiden Buli Siber telah dilaporkan oleh pengguna Internet ke Pusat Bantuan Cyber999 (yang dikendalikan oleh CyberSecurity Malaysia). Ini merupakan satu peningkatan yang ketara sebanyak 55.6 peratus berbanding tahun 2012, di mana sebanyak 250 insiden Buli Siber telah dilaporkan.

Sikap pengguna Internet yang suka berkongsi maklumat peribadi dalam laman sosial dan juga berkongsi kata laluan (password) dikenalpasti sebagai antara faktor yang menjadikan pengguna mudah menjadi mangsa gangguan siber, termasuk Buli Siber.

YB Datuk Dr. Abu Bakar juga menggesa para ibubapa, penjaga, guru-guru serta pelajar-pelajar untuk membaca dan memahami maklumat yang dipaparkan dalam ‘Buku Panduan Keselamatan Siber: Buli Siber’.

Sementara itu, Pengurus Lembaga Pengarah, CyberSecurity Malaysia, Jeneral Tan Sri Dato’ Seri Panglima Mohd Azumi bin Mohamed (Bersara) dalam ucapannya berkata: “Buku panduan tentang isu Buli Siber ini dihasilkan oleh CyberSecurity Malaysia bagi membantu pengguna Internet, khususnya ibubapa, penjaga dan guru untuk



Securing Our Cyberspace



CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



T +603 8992 6888
F +603 8992 6841
H 1 300 88 2999

Corporate Office:
Level 5, Sapura@Mines
No 7, Jalan Tasik
The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.
www.cybersecurity.my

mengenalpasti, menangani serta mencegah gejala dan ancaman Buli Siber dalam kalangan pelajar.”

CyberSecurity Malaysia telah menghasilkan sebanyak 21 buah Buku Panduan Keselamatan Siber dalam pelbagai tajuk, antaranya *Online Shopping*, *Online Banking*, dan *Social Networking*.

Majlis pelancaran tersebut diadakan sempena **Upacara Penutup ‘Safer Internet Day’ 2014** di SMK Seri Tanjong, Melaka.

‘**Safer Internet Day**’ disambut di Malaysia pada bulan Februari setiap tahun, sejak 2010. Melalui acara *Safer Internet Day*, CyberSecurity Malaysia memberi pendedahan kepada kanak-kanak dan para remaja mengenai tatacara serta kaedah penggunaan Internet secara positif dan selamat. Acara ini juga bertujuan membina budaya penggunaan Internet dan teknologi secara berhemah dan beretika.

Pada tahun ini, sambutan ‘**Safer Internet Day 2014**’ di Malaysia dimulakan dengan kerjasama Duta CyberSAFE dari Persatuan Pandu Puteri Malaysia yang mengadakan ceramah Kesedaran Keselamatan Siber kepada pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh Malaysia. Aktiviti tersebut bermula dari 11 Februari 2014 sehingga 24 February 2014 dan dianggarkan seramai 14,000 orang pelajar di lebih 20 buah sekolah mendapat pencerahan tentang keselamatan siber melalui aktiviti ini.

Di peringkat Universiti pula, sambutan ‘**Safer Internet Day 2014**’ dijalankan bersama pelajar Universiti Islam Antarabangsa (UIA), di mana seramai 30 pelajar UIA telah diberi latihan keselamatan siber bagi melayakkan mereka menjadi Duta CyberSAFE. Latihan ini diadakan pada 15 hingga 16 Februari 2014. Pada 24 Februari, Duta CyberSAFE dalam kalangan pelajar UIA telah menjadi **Mentor CyberSAFE** kepada pelajar **SMK Seri Tanjong**. Sebagai mentor, pelajar UIA berinteraksi dengan pelajar **SMK Seri Tanjong** sambil memberi pencerahan tentang isu-isu keselamatan siber.

“Konsep Mentor-Mentee ini amat berkesan bagi membina kesedaran keselamatan siber dalam kalangan pelajar universiti dan sekolah menengah berbanding konsep ceramah konvensional, di mana CyberSecurity Malaysia memberi taklimat kepada beratus pelajar dalam sebuah dewan. Ianya lebih berkesan kerana ia melibatkan aktiviti berbentuk interaktif seperti mencari harta karun serta penerangan mengenai keselamatan siber antara pelajar universiti sebagai mentor dan pelajar sekolah menengah sebagai mentee.” ujar Tan Sri Azumi lagi.

#END#

CyberSecurity Malaysia is the national specialist centre for cyber security, under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI).

For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. For general inquiry, please email to info@cybersecurity.my Stay connected with us on

www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia and www.twitter.com/cybersecuritymy

For further enquiries about this document, please call +603-89926888,

Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978), email shamil@cybersecurity.my or

Sandra Isnaji (ext: 6977), email sandra@cybersecurity.my